



**GARIS PANDUAN DAN POLISI PENGGUNAAN
MEDIA SOSIAL KESATUAN MAHASISWA
UNIVERSITI MALAYA**

DISEDIAKAN OLEH:

**KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA
2021**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan tatacara, peraturan dan kawalan kandungan media sosial sebagai rujukan dan perlu dipatuhi oleh ahli eksekutif Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM).

2. LATAR BELAKANG

- (a) Media sosial adalah sejenis saluran komunikasi yang luas dari segi penyebaran maklumat dan tidak dihadkan penggunaannya.
- (b) Perkongsian maklumat dilakukan dalam cara yang cepat sekali gus mempertingkatkan kebolehcapaian informasi di kalangan orang ramai secara besar-besaran.
- (c) Polisi ini digubal untuk memastikan peranan media sosial KMUM akan digunakan secara produktif dan bermanfaat.
- (d) Pengurusan media sosial seharusnya berjurus dalam kaedah yang ragam agar maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan tidak menjejaskan reputasi KMUM.

3. TAFSIRAN

Berdasarkan garis panduan ini, tafsiran yang diguna pakai adalah seperti berikut;

- (a) “Media sosial” ditafsirkan sebagai kemudahan aplikasi Internet yang dicipta untuk membolehkan penyampaian maklumat dan kandungan media serta untuk mempermudah interaksi di antara pengguna dan penyelia kandungan.
- (b) “Media sosial” ialah termasuk namun tidak terhad kepada Twitter, Facebook, Instagram, Youtube.
- (c) “Media sosial KMUM” terdiri daripada aplikasi-aplikasi atau platform yang diciptakan untuk kegunaan rasmi. (Pusat/Fakulti)
- (d) “Memuat naik” atau “berkongsi” definisikan sebagai apa-apa hebahan yang dilakukan oleh KMUM merangkumi semua aksi namun tidak terhad kepada “*share*”, “*like*”, “*post*”, “*reshare*”, “*repost*”, “*retweet*”.
- (e) “Entiti politik” adalah termasuk namun tidak terhad kepada gerakan-gerakan mahasiswa di dalam kampus dan parti politik luar kampus.

- (f) “Undang-undang” merujuk kepada polisi dalaman KMUM, undang-undang yang sedia ada dan Undang-undang Malaysia.

4. PERATURAN AM

Berikut adalah panduan am mengenai penyelarasan media sosial KMUM:

- (a) Setiap kandungan sebelum dimuat naik atau dihebahkan wajar melalui proses penyemakan kesahihan maklumat dan disahkan ketepatannya.
- (b) Pendedahan maklumat sulit mengenai KMUM, maklumat peribadi pelajar atau pihak-pihak berkepentingan lain dilarang sama sekali.
- (c) Berwaspada dengan hakcipta dan harta intelek pihak lain.
- (d) Dilarang memuat naik, berkongsi maklumat, pautan, gambar, video atau bahan-bahan yang berunsur negatif termasuk yang berunsur lucah dan perkauman.
- (e) Setiap hebahan perlulah dibuat di dalam Bahasa Melayu sahaja ataupun di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa lain bagi tujuan hebahan adalah dibenarkan mengikut kesesuaian dan keadaan tertakluk kepada persetujuan kabinet.

5. TANGGUNGJAWAB PENGURUS MEDIA SOSIAL

Pengurus media sosial merujuk kepada pengendali akaun media sosial yang terdiri daripada Ahli Eksekutif (Kabinet) KMUM.¹ Mereka bertanggungjawab dalam pengurusan media sosial KMUM seperti yang termaktub dalam polisi ini. Pengurus media sosial mempunyai beberapa panduan yang harus dipatuhi ketika mengendalikan akaun media sosial:

- (a) Penggunaan media sosial KMUM adalah untuk urusan rasmi KMUM sahaja.
- (b) Hanya pengurus media sosial yang diterterakan di Lampiran A sahaja mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan media sosial KMUM.
- (c) Perlunya ada perbezaan dengan penampilan KMUM sebagai suatu entiti bebas daripada apa-apa entiti politik.

¹ Sila rujuk Lampiran A.

- (d) Pengurus tidak dibenarkan untuk memuat naik atau berkongsi hebahan yang menunjukkan KMUM mempunyai afiliasi politik dengan mana-mana entiti politik.
- (e) Hebahan yang mengandungi unsur kempen politik adalah dilarang sama sekali.
- (f) Pengurus tidak dibenarkan untuk memuat naik atau berkongsi hebahan yang berunsur memberi sokongan kepada mana-mana entiti politik.
- (g) Pengurus harus melakukan pembedaan atau ralat sekiranya berlaku kesilapan di dalam hebahan dan memohon maaf kepada pihak-pihak yang berkaitan secara terbuka (jika terlibat).
- (h) Tidak mempromosikan mana-mana jenama atau produk komersial.
- (i) Tidak menggambarkan perilaku yang boleh mendatangkan konflik terhadap kepentingan (*conflict of interest*).
- (j) Tidak menggambarkan perilaku yang boleh menjejaskan reputasi serta jenama Kesatuan.

6. HAKCIPTA TERPELIHARA

- (a) Semua hak cipta Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya dan kandungannya termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, fail audio, fail video dan susunan bahan-bahannya adalah kepunyaan Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya kecuali yang dinyatakan sebaliknya.
- (b) Penyalahgunaan kemudahan Internet yang disediakan untuk penggunaan media sosial boleh dikenakan tindakan berdasarkan undang-undang.

7. BIDANG KUASA

- (a) Garis Panduan dan Polis Penggunaan Media Sosial ini mengikat ke atas ahli-ahli KMUM dalam penggunaan media sosial seperti mana yang telah diperuntukkan kecuali yang dinyatakan sebaliknya.
- (b) Ahli-ahli eksekutif KMUM khususnya di fakulti diberi autonomi untuk mengendalikan media sosial masing-masing.
- (c) Ahli-ahli eksekutif kabinet KMUM boleh menasihati atas hak yang diberikan oleh perenggan (b) yang didapatinya perlu atas suai manfaat demi kepentingan keselamatan Universiti atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.

8. PINDAAN

- (a) Sesuatu usul bagi membuat apa-apa pindaan kepada Garis Panduan dan Polisi Penggunaan Media Sosial Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya tidaklah boleh diluluskan di dalam mana-mana mesyuarat Kabinet melainkan jika usul itu telah disokong dengan undi tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli kabinet itu.
- (b) Apa-apa pindaan tertakluk kepada peruntukan di perenggan (a) yang diluluskan harus dicatat dalam Jadual Pindaan.²

9. TARIKH KUATKUASA

Polisi ini akan berkuat kuasa serta-merta pada tarikh 30 OGOS 2021 dan haruslah dipatuhi oleh semua ahli eksekutif Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM).

10. PENUTUP

Pengendalian media sosial secara profesional adalah penting dalam perkongsian dan penyebaran maklumat kepada orang ramai. Perkongsian ini perlulah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melahirkan perhubungan yang harmoni.

Setiap perkara di dalam polisi ini haruslah dijadikan rujukan oleh ahli-ahli eksekutif Kesatuan dalam penggunaan media sosial KMUM.

² Sila rujuk Lampiran B.

DISEDIAKAN OLEH

Unit Hal Ehwal Undang-undang

Setiausaha Perancangan Strategi

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya 2021

University of Malaya Students' Union

(Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya)

Level 3, Block F, Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur,

Malaysia

Tel: (603) 7967 3567 • Fax: (603) 7967 3580

Email: umsu@um.edu.my • Website: www.myumsu.com

LAMPIRAN A

Pengurus media sosial merujuk kepada pengendali akaun media sosial yang terdiri daripada Ahli Eksekutif (Kabinet) KMUM. Komposisi pengendali media sosial KMUM adalah:

- (a) Presiden/Yang di-Pertua
- (b) Timbalan Presiden 1/Naib Yang di-Pertua
- (c) Timbalan Presiden 2/Timbalan Naib Yang di-Pertua
- (d) Setiausaha Media dan Penerangan
- (e) Timbalan Setiausaha Media dan Penerangan
- (f) Mana-mana Ahli Sekretariat Berportfolio Media dan Penerangan atas budi bicara Setiausaha portfolio tersebut.
- (g) Mana-mana orang relevan yang dipersetujui oleh Kabinet

LAMPIRAN B

Bil.	Fasal/Perenggan (Sebelum Pindaan)	Pindaan Muktamad (Selepas Pindaan)	Tarikh Pindaan Lulus